

LIMPAHAN EKONOMI

■ **Projek kereta api laju beri kebaikan besar buat negara, tambah modal insan**

Meor Ishwan Meor Ahmad
meor@metro.com.my

Kuala Lumpur

Iskriban Perancangan Bandar dan Desa (IPBD) Semenanjung Malaysia, memberi apabila pembangunan projek kereta api laju (HSR) dirancang sejak 10 tahun lalu akhirnya menjadi kenyataan.

Ketua Pengarahnya Datuk Dr Dzulhijran Mohd Berkata, projek berkenaan adalah sebahagian perancangan dalam Rancangan Fizikal Negara (RPFN) dirancang sejak 2006 sebagai satu nilai tambah kepada sistem pengangkutan.

Katanya, RPFN rancangan yang memberi panduan strategik mengenai arah dan corak pembangunan kegunaan dan pemelihara-

ran tanah.

"Kami bersyukur dan gembira kerana besar-besarnya mengikut perancangan berkaitan projek HSR ini walaupun tertangguh beberapa kali sebelum ini.

"Saya yakini, projek ini memberi kebaikan besar kepada kedua-dua negara dari segi sosio ekonomi dan pembangunan kawasan berhampiran stesen transit HSR.

"Ia memberi kesan limpahan tinggi kepada ekonomi dan pada masa sama memendekkan masa perjalanan dari Kuala Lumpur ke Singapura. Tidak mustahil HSR menjadi pilihan pengguna sebagai satu pengangkutan utama apabila siap kelak," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diumumkan mengenai kesannya terhadap projek HSR kepada pembangunan kawasan baru di bandar yang ter-

letak di laluan kereta api berkecemasan.

Memperincikan kemataannya, Dr Berkata berkata, HSR diyakini mampu menjadi pemangkin besar kepada kawasan sekitar dari sudut ekonomi penduduk setempat.

"Pada masa sama, akan ada aktiviti bilangan di bandar kecil sekitar kawasan stesen HSR seperti perniagaan membuat pendapatan kepada penduduk.

"Saya percaya pihak terlibat sudah melakukan kajian dan menentukan kawasan jatan landasan HSR yang bersesuaian kerana jika terdapat perubahan, mungkin pihak jurutera membuat reka bentuk lain dan ia memakan masa," katanya.

Sementara itu, Ketua Program Sarjana Sains Kejuruteraan Pengangkutan Jil, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembinaan

Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Prof Dr Khalid Hassan berkata, beliau menilai kesan projek HSR bukan hanya dari sudut ekonomi sahaja, malah meliputi pembangunan modal insan dan kecekapan rakyat tempatan dalam penerapan bidang teknologi kereta api.

"Saya amat amat positif terhadap projek ini, bukan sahaja kesan dalam masa singkat, tetapi bayangan pemindahan ilmu diperolehi kepada modal insan tempatan.

"Contohnya, jika kerajaan tidak mulakan projek transit aliran ringan (LRT) pada tahun 1990-an, sistem pengangkutan rel tidak berkembang pesat seperti sekarang. Hari ini kita dapat menghayati perkembangan kereta api yang moden, pelbagai dan menarik," katanya.

2006
Projek HSR dirancang dalam Rancangan Fizikal Negara

2026
Tahun Projek HSR dijangka beroperasi



BANDAR MALAYSIA